

**PENENTUAN *'URUF* PEMAKAIAN EMAS WANITA ISLAM DI  
NEGERI SEMBILAN**

**PPPP/FSU-04-20608**

**KETUA PENYELIDIK :**

**DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI**

**PENYELIDIK BERSAMA :**

**NOR AZMI BIN HAJI MUSA  
MOHAMAD IDRIS BIN RAMLI  
WAN ABDUL FATTAH BIN WAN ISMAIL**

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Perpustakaan USIM



1000052256

**LAPORAN PENYELIDIKAN**

**PENENTUAN *‘URUF* PEMAKAIAN EMAS WANITA ISLAM DI  
NEGERI SEMBILAN**

**PPPP/FSU-04-20608**

**KETUA PENYELIDIK :**

**DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI**

**PENYELIDIK BERSAMA :**

**NOR AZMI BIN HAJI MUSA  
MOHAMAD IDRIS BIN RAMLI  
WAN ABDUL FATTAH BIN WAN ISMAIL**

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus.**

**DISEMBER 2008**

## PENGAKUAN

Kami akui bahawa keseluruhan isi penyelidikan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya kami jelaskan sumbernya.

Tarikh : 15 Disember 2008


Tandatangan

Ketua Penyelidik :




Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri

Penyelidik bersama:



Nor Azmi bin Haji Musa



Mohamad Idris bin Ramli



Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail

## PRAKATA

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala pujian bagi Allah yang menjadikan langit dan bumi. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, sebaik-baik peribadi, bagi keluarga baginda, para sahabat dan seterusnya sesiapa sahaja yang mengikuti panduan baginda hingga ke akhirnya.

Kami amat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kami dapat menyempurnakan penyelidikan ini, penyelidikan ini bertujuan mengetahui penentuan *‘uruf* pemakaian emas wanita Islam di Negeri Sembilan seterusnya kadar kewajipan zakat perhiasan mengikut *‘uruf*.

Penyelidikan ini yang bertajuk **Penentuan *‘Uruf* Pemakaian Emas Wanita Islam Di Negeri Sembilan**, bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan kadar pemakaian perhiasan bagi wanita Muslimah di Negeri Sembilan seterusnya mengkaji berkenaan dengan hukum zakat perhiasan dan mengetahui kadar *‘uruf* yang biasa di pakai perhiasan di negeri ini.

Kami ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Pusat Zakat Negeri Sembilan di atas kerjasama yang banyak memberi maklumat dan membantu kami dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih juga di hulurkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Fakulti Syariah dan Undang-undang yang memberi kepercayaan kepada kami untuk menjalankan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak hingga penyelidikan ini sempurna disiapkan.

## ABSTRAK

Penyelidikan berkaitan “Penentuan *‘Uruf* Pemakaian Emas Wanita Islam Di Negeri Sembilan”. Dijalankan untuk mengatasi masalah kadar zakat perhiasan yang wajib dikeluarkan selepas mengatasi atau melebihi had *‘uruf* kebiasaan. Penyelidik juga mengemukakan pengenalan zakat secara umum dan hukum zakat perhiasan secara khusus dengan pelbagai pendapat sama ada yang mewajibkan atau sebaliknya. Disertakan juga dalil kedua belah pihak dan diakhiri dengan *tarjih*. Penyelidik lebih cenderung kepada pendapat wajib dikenakan zakat perhiasan apabila melebihi had *‘uruf* biasa sebagai mengamalkan kedua dalil. Dengan melihat kepada perbandingan negeri-negeri di Malaysia kadar *‘uruf* yang dikenakan zakat maka penyelidik mengambil jalan tengah dengan menghadkan dengan kadar yang tertentu. Penyelidik mendapati pendapat yang diutarakan adalah amat sesuai serta meraikan *maslahat ‘ammah* dan menepati kaedah syarak.

## ABSTRACT

This research is on “Applying custom *‘uruf* in determining the payment of zakat on gold jewellery worn by muslim women in Negeri Sembilan”. This study is conducted to overcome the problem of determining the rate of paying the zakat for on jewelleries and adornments, exceeding the limit set by custom upon *urf*. The researcher provides a general explanation on zakat. Furthermore the researcher elaborates on zakat on jewelers and adornments by providing various opinions making the payment mandatory and vice versa. The researcher provides the legal proof raised by the proponnetns and opponent of the mandatory payment. The researcher presents his preferred opinion that is “it is mandatory to pay the zakat for jewellery and adornment when the limit set by custom (*‘uruf*) had been exceeded”. The researcher sets a moderate rate upon surveying the customs of the different states in malaysia. The researcher finds the opinion given to be suitable, fulfils public interest and complies with syariah principles.

## DAFTAR KANDUNGAN

|           | <b>Halaman</b> |
|-----------|----------------|
| Pengakuan | i              |
| Prakata   | ii             |
| Abstrak   | iii            |
| Abstract  | iv             |
| Kandungan | v              |

### BAB 1

#### PENDAHULUAN

|                      |   |
|----------------------|---|
| 1.1 Latar Belakang   | 1 |
| 1.2 Tujuan           | 2 |
| 1.3 Kajian Terdahulu | 3 |
| 1.4 Hipotesis        | 3 |

### BAB 2

#### PENGENALAN TAJUK

|  |    |
|--|----|
| 2.1 Takrif Zakat   | 5  |
| 2.1.1 Zakat Pada Bahasa :                                  | 5  |
| 2.2.2 Zakat Pada Syarak :                                  | 6  |
| 2.2 Dalil Pensyariatan                                     | 7  |
| 2.3 Hikmah   | 9  |
| 2.4 Hukum Orang Yang Enggan Mengeluarkan Zakat.            | 13 |
| 2.5 <i>°Uruf</i>   | 17 |
| 2.5.1 Konsep <i>°Uruf</i> .                                | 17 |
| 2.5.2 Kedudukan Adat ( <i>°Uruf</i> ) Dalam Syariat Islam. | 19 |

|                                 |    |
|---------------------------------|----|
| 2.5.2.1 ‘Urf <sup>o</sup> Am    | 19 |
| 2.5.2.2 <sup>o</sup> Uruf Sahih | 20 |

### BAB 3

#### KONSEP ZAKAT EMAS PERHIASAN DAN HUKUMNYA

|                                  |    |
|----------------------------------|----|
| 3.1 Konsep Zakat Emas Perhiasan  | 21 |
| 3.2 Hukum Zakat Perhiasan        | 25 |
| 3.2.1 Pendapat Pertama           | 25 |
| 3.2.2 Pendapat Kedua             | 27 |
| 3.2.3 Pendapat Yang <i>Rajih</i> | 31 |

### BAB 4

#### PENENTUAN CURUF PEMAKAIAN EMAS WANITA ISLAM DI NEGERI SEMBILAN

|   |    |
|---|----|
| 4.1 Kadar <sup>o</sup> uruf Emas Di Negeri-Negeri Di Malaysia | 33 |
| 4.2 Metodologi Kajian   | 34 |
| 4.2.1 Penentuan Populasi                                      | 34 |
| 4.2.2 Pemilihan Teknik  | 35 |
| 4.2.3 Bentuk Soal Selidik                                     | 37 |
| 4.2.4 Kaedah Pemprosesan Data                                 | 38 |
| 4.2.5 Kaedah Analisis Data                                    | 38 |
| 4.2.5.1 Frequencies   |    |
| 4.2.5.2 Explore   |    |
| 4.3 Laporan Kajian  | 39 |
| 4.3.1 Kajian Rintis   | 39 |
| 4.3.2 Hasil Kajian Sebenar.                                   | 39 |
| 4.3.2.1 Pertama : Peringkat Umur.                             |    |
| 4.3.2.2 Kedua : Pekerjaan.                                    |    |
| 4.3.2.3 Ketiga : Tempat Tinggal.                              |    |

|  |    |
|--|----|
| 4.4 Status Perkahwinan.                                    | 41 |
| 4.5 Kefahaman Mengenai Zakat Emas.                         | 41 |
| 4.6 Sumber Maklumat Mengenai Zakat.                        | 42 |
| 4.7 Bilangan Responden Yang Pernah Membayar Zakat.         | 42 |
| 4.8 Bilangan Responden Yang Tahu Cara Taksiran Zakat Emas. | 42 |
| 4.9 Tempat Bayar Zakat.                                    | 43 |
| 4.10 Status Emas.  | 43 |
| 4.11 Hak Milik Sempurna.                                   | 43 |
| 4.12 Situasi Pemakaian Emas.                               | 44 |
| 4.13 Jenis Emas Dipakai.                                   | 44 |
| 4.14 Anggaran Nilai Emas Yang Dipakai (Rm).                | 45 |
| 4.15 Anggaran Berat Emas Yang Dipakai (Gram).              | 45 |
| 4.16 Jenis Emas Disimpan.                                  | 46 |
| 4.17 Anggaran Nilai Emas Yang Disimpan (Rm).               | 46 |
| 4.18 Anggaran Berat Emas Yang Disimpan (Gram).             | 47 |

## BAB 5

### HASIL PENYELIDIKAN DAN CADANGAN

|  |    |
|--|----|
| 5.1 Hasil Penyelidikan   | 48 |
| 5.2 Purata atau Mean Pemakaian Emas Perhiasan Wanita Islam di Negeri Sembilan Ialah Pada Kadar 48 Gram | 48 |
| 5.3 Kaedah Penaksiran Zakat Emas Perhiasan   | 49 |
| 5.4 Cadangan   | 51 |
| 5.5 Contoh Pengiraan.  | 52 |
| <b>Penutup</b>   | 53 |
| <b>Bibliografi</b>   | 54 |
| <b>Lampiran</b>  |    |

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 LATAR BELAKANG

Mengikut Mazhab Syafie barang kemas atau emas perhiasan dikenakan zakat apabila kadar atau jumlah pemakaiannya melebihi kadar *Uruf*. Di Negeri Sembilan melalui Pusat Zakat Negeri Sembilan telah diberikan amanah oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan untuk melaksanakan urusan kutipan zakat harta termasuk zakat emas sama ada yang simpan atau yang dipakai sebagai perhiasan.

Kutipan zakat emas yang dilaksanakan di negeri ini adalah berdasarkan lebih daripada jumlah kadar pemakaian setempat. Sehingga hari ini, kadar yang diguna pakai sebagai *Uruf* emas perhiasan ialah mengikut kadar timbangan berat emas. Kadar timbangannya ialah seberat 850 gram emas atau RM 76,959.00 – harga semasa satu gram (15 Disember 2008) ialah RM90.54<sup>1</sup> Namun kadar yang diguna pakai ini didapati tidak berdasarkan kepada kajian lapangan yang lebih menunjukkan situasi sebenar pemakaian emas oleh golongan wanita di Negeri Sembilan.

Berdasarkan perkara yang dijelaskan itu, adalah menjadi tanggungjawab Pusat Zakat Negeri Sembilan untuk mencadangkan satu kadar yang tertentu yang berdasarkan kepada satu kajian yang lebih efisien bagi menggambarkan atau perelaskan situasi sebenar pemakaian emas di negeri ini.

---

<sup>1</sup> Kajian nilai pasaran harga emas dibuat bertarikh 15 Disember 2008

## 1.2 TUJUAN

Laporan penyelidikan ini dikemukakan kepada Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan bagi mendapatkan pertimbangan dan keputusan jawatankuasa mengenai penetapan kadar *Uruf* pemakaian emas serta kaedah penaksiran zakat emas perhiasan di Negeri Sembilan. Antara lain tujuannya ialah :

- i. Memahami hukum zakat perhiasan.
- ii. Mendapatkan data yang sebenar berkenaan dengan pemakaian emas bagi masyarakat Islam Negeri Sembilan.
- iii. Mengetahui kaedah *Uruf* dan *Uruf* sebenar bagi masyarakat Islam Negeri Sembilan berkenaan dengan pemakaian emas.
- iv. Menjelaskan kepada masyarakat dengan lebih mendalam berkenaan dengan hukum zakat perhiasan..
- v. Memberi jawapan tepat melalui kajian penyelidikan dan membantu Pusat Zakat Negeri Sembilan, secara khusus berkenaan dengan data pemakaian emas dan juga *Uruf* negeri-negeri lain di Malaysia.

### 1.3 KAJIAN TERDAHULU

Kajian ini merupakan kajian yang pertama dijalankan oleh Pusat Zakat Negeri Sembilan bagi penetapan *Uruf* pemakaian barang kemas untuk wanita Islam di Negeri Sembilan. Justeru itu, hasil dari kajian ini bolehlah dianggap sebagai data utama (Primer) kerana tidak terdapat maklumat lain yang di kumpul sebelum kajian ini. Kajian ini menggunakan data yang di kumpulkan sendiri dari sejumlah responden yang telah ditetapkan dan hasil kajian ini bolehlah dijadikan sebagai sumber rujukan bagi kajian akan datang. Lebih menarik lagi kajian seperti ini merupakan secara langsung interaksi antara wakil Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) dengan responden dan masyarakat Islam di negeri ini. Justeru ia merupakan kajian semasa dan realiti sebenarnya pemakaian perhiasan bagi masyarakat Islam di Negeri Sembilan.

### 1.4 HIPOTESIS

Zakat merupakan salah satu dari rukun Islam yang wajib ditunaikan. Ini kerana terdapat banyak ayat al-Quran yang menggabungkan kewajipan berzakat dengan kewajipan bersolat. Bukan sekadar itu, tetapi ianya juga memberi ancaman dan amaran yang keras kepada yang enggan mengeluarkan zakat apabila cukup syarat, antaranya sempurna milik, cukup *haul* setahun *kamariah* dan cukup nisab. Begitu juga dengan zakat perhiasan yang menjadi khilaf ulama' perlu dilihat dengan lebih mendalam hujah masing-masing. Di samping itu pengabaian masyarakat berkenaan isu ini amat jelas dan nyata disebabkan beberapa faktor antaranya kurang kefahaman, kurang penekanan yang diberikan

dan pendedahan yang sewajarnya. Begitu juga dengan tidak jelas berkenaan dengan konsep *Uruf* yang sepatutnya difahami dengan lebih mendalam. Justeru kajian ini amat penting untuk mengenal pasti permasalahan hukum zakat perhiasan dan juga kadar *Uruf* masyarakat Islam di Negeri Sembilan berkenaan dengan pemakaian emas yang mungkin menjadi gambaran sebenar pemakaiannya.

## BAB 2

### PENGENALAN TAJUK

#### 2.1 Takrif Zakat

Sebagai mukadimah perbincangan tajuk melalui takrif dan definisi amatlah penting untuk memberi fokus kepada perkara yang ingin diperbincangkan justeru penyelidik mengemukakan segala takrif dan definisi terlebih dahulu.

##### 2.1.1 Zakat pada bahasa :

Ibn Manzur menyebut dalam kitabnya *Lisan al-Arab* bahawa, asas zakat ialah bersih, berkat dan pujian. Semuanya digunakan di dalam al-Quran dan Hadis. Kata terbitannya pula ialah *فعلة* sama seperti sedekah.<sup>2</sup>

Perkataan zakat (*الزكاة*) diambil daripada *زكا الشيء* yang bermaksud sesuatu itu bertambah dan subur. Begitu juga *زكا الزرع وزكت التجارة* yang bermaksud tanam-tanaman dan perniagaan subur dan bertambah. Zakat juga bererti bersih dan berkat begitu juga dengan maksud banyak kebaikan, justeru dinamakan sedekah dengan zakat kerana ia sebab kepada pertambahan dan keberkatan. Ini kerana harta bertambah dengan sebab berkat pengeluarannya dan doa

---

<sup>2</sup> Al-Imam al-Allamah Ibn Manzur. *Lisan al-Arab*. Dar al-Hadith : Cetakan Pertama. 1423 H / 2003 M. Jilid Keempat. Hlm. 387.

penerimanya. Adapun zakat dengan makna pembersihan<sup>3</sup> berdasarkan firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا

Maksudnya : *“Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan)”*.<sup>4</sup>

Menurut ayat tersebut, orang yang berjaya ialah orang yang membersihkan dirinya daripada akhlak yang buruk. Al-Qurtubi<sup>5</sup> berkata : *“Sesungguhnya telah berjaya siapa yang Allah SWT menyucikan jiwanya dengan ketaatan”*. Menurut ayat tersebut juga, orang yang berjaya ialah orang yang membersihkan dirinya daripada akhlak yang buruk

### 2.1.2 Zakat Pada Syarak :

Pengertian zakat pada istilah syarak ialah kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta yang ditentukan oleh syarak kepada orang Muslim yang fakir yang bukan di kalangan Bani Hasyim di mana sebahagian harta dari kalangan orang kaya yang diberikan semata-mata kerana Allah SWT. <sup>6</sup>

Selain daripada itu zakat juga bermaksud kadar tertentu yang diambil daripada kadar bahagian tertentu, yang wajib diberikan kepada golongan tertentu apabila

<sup>3</sup> Dr Muhammad al Zuhaily, al-Muktamad. Dar al-Qalam : Cetakan Pertama. 1428 H / 2007 M.

<sup>4</sup> Al-Qur'an. al-Syams: 9.

<sup>5</sup> Imam al Qurtubi, al-Jami' Li Ahkam al Quran, Dar Ibn Hazmi : Cetakan Pertama 1425 H / 2004 M 2/3327

<sup>6</sup> Sa'di Abu Jaib, al-Qamus al-Fiqhi, Dar Fikr : Cetakan Kedua 1408 H / 1988 M. Hlm. 159

cukup syarat-syarat yang ditentukan. Harta yang diberikan kepada golongan tertentu itu dinamakan zakat. Ini adalah kerana pengagihan tersebut dan dengan doa penerimanya akan menyebabkan baki hartanya menjadi subur dan berkat.<sup>7</sup>

## 2.2 DALIL PENSYARIATAN

Zakat adalah antara rukun Islam yang paling penting. Hukum zakat mempunyai dalil-dalil muktamad **القطع** dari sudut petunjuk **الدلالة**. Ia menjadikan hukum zakat itu jelas dan mudah diketahui dari sudut agama. Oleh itu hukum orang yang menafikan wajib zakat ialah kafir. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

**وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ**

Maksudnya : *“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat”*.<sup>8</sup>

Ibn al-Arabi berkata :

“Perintah Allah SWT supaya mendirikan solat, berzakat, rukuk merupakan satu bentuk perintah terhadap sesuatu perkara yang telah diketahui yang mana sebelumnya telah diterangkan cara pelaksanaannya. Perbuatan rukuk itu

<sup>7</sup> Dr. Mustafa al-Khin, Dr. Mustafa al-Bugha, Ali al-Sharbaji, *Al-Fiqh al-Manhaji (Terjemahan)*, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Cetakan Pertama Mei 2005. Jilid kedua. Hlm. 5.

<sup>8</sup> Al-Qur'an. al-Baqarah: 43.

disebutkan secara khusus kerana ia merupakan perbuatan yang paling berat kepada manusia daripada perbuatan lain.

Dari sudut bahasa rukuk bermaksud tunduk. Oleh itu ia meliputi perbuatan rukuk dan sujud. Rukuk merupakan perbuatan yang sukar bagi orang di zaman jahiliah, sehinggakan ada setengah-setengahnya yang baru memeluk Islam berkata kepada Nabi SAW: "Dengan syarat-syarat saya tidak menyembamkan muka seperti sujud melainkan dalam keadaan berdiri". Antara *takwil* kepada kata-kata ini ialah, dengan syarat saya tidak perlu rukuk. Setelah Islam terpasak dalam diri mereka maka dengan sendirinya mereka berasa senang untuk melakukan perbuatan itu. Boleh juga diandaikan mereka disuruh mengeluarkan zakat kerana zakat itu telah sedia maklum dalam mana-mana agama.<sup>9</sup>

Oleh itu kerana perintah mendirikan solat adalah wajib begitu juga menunaikan zakat adalah wajib. Ini kerana perintah dan arahan menunaikan zakat dengan *sighah fil amar* atau suruhan perintah mengeluarkan zakat di sebut berulang-ulang kali di dalam al-Quran pada 32 tempat, Dalil daripada hadis pula, Rasulullah SAW bersabda ialah :

فإن هم أطاعوا لذلك فأعلمهم أن الله قد افترض عليهم صدقة تؤخذ من أغنيائهم فترد على فقرائهم.

Maksudnya : "Jika mereka mentaati kamu demikian itu, maka beritahulah kepada mereka Allah SWT fardukan ke atas mereka sedekah yang di ambil

<sup>9</sup> Ibn Arabi, Abu Bakar Muhammad bin Abdullah, Ahkam al-Quran. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia : Cetakan Pertama 2006. Jilid Pertama. Hlm. 41-42.

*daripada orang kaya di kalangan mereka kemudian diberi kepada orang fakir mereka”.*<sup>10</sup>

Hadis ini menunjukkan zakat diberi kepada golongan fakir negeri yang di pungut zakat pada asalnya. Akan tetapi para fuqaha mengharuskan untuk dipindahkan zakat kepada negeri yang lain jika penduduk tersebut memerlukan seperti kata Syeikh al-Syarbasi.<sup>11</sup>

Selain itu juga, hukum memberi sedekah kepada peminta sedekah atau memberi zakat kepada mereka adalah bergantung kepada keadaan dan individu. Ini adalah kerana ada yang meminta sedekah tetapi mempunyai harta dan aset yang banyak. Inilah fatwa Syeikh Ibn Jabrin.<sup>12</sup>

### 2.3 HIKMAH

Zakat mempunyai banyak hikmah dan faedah yang banyak. Ia adalah untuk kebaikan pengeluar zakat dan penerimanya. Faedah zakat juga dapat dinikmati oleh individu dan masyarakat. Antara hikmah dan faedah tersebut adalah seperti berikut :

**Pertama** : Amalan berkat boleh membiasakan diri pengeluaran bersifat pemurah dan suka berkorban. Amalan itu juga boleh mencabut akar umbi sifat kedekut dan unsur-unsur bakhil. Hakikat ini akan dirasai sendiri oleh pengeluar zakat tersebut dan dia juga menyedari bahawa zakat itu lebih ketara menambah harta

---

<sup>10</sup> Riwayat al Bukhari 1389 dan Muslim dalam kitab al-Imam 29

<sup>11</sup> Dr Zulkifli Mohamad al Bakri, Ahkam al Zakah, MAIDAM 2007 hlmn 5

<sup>12</sup> Dr Zulkifli Mohamad al Bakri, Ahkam al Zakah, MAIDAM 2007 hlmn 5

daripada mengurangnya. Benarlah sepertimana yang ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang bermaksud:

*“Tiga perkara aku bersumpah ke atasnya dan aku menceritakan kepadamu maka hendaklah kamu mengingatinya, zakat itu tidak mengurangi harta, tidaklah seorang menzalimi kepada seseorang lantas dia sabar kecuali Allah SWT menambahkan kemuliaannya dan tidaklah seorang hamba meminta-minta kecuali Allah SWT membuka pintu kefakirannya”. Sayyid Sabiq berkata, “Allah SWT menjadikan pengeluar zakat sebagai satu matlamat yang membawa kedudukan yang baik di bumi”.*

Bagaimanakah boleh dikatakan zakat itu akan mengurangi harta, sedangkan Allah SWT memberkati harta yang tinggal dengan sebab berzakat? Allah SWT akan menjauhkan harta tersebut daripada sesuatu yang memudaratkan dan memeliharanya daripada gangguan manusia. Selain perkara tersebut, Allah SWT juga akan menunjukkan cara-cara untuk memanfaatkan dan mengembangkan harta tersebut kepada pemiliknya. Di samping itu Allah SWT akan memberi pahala yang besar kerana mengeluarkan harta semata-mata untuk keredaannya.

**Kedua :** Zakat boleh menguatkan hubungan persaudaraan dan kasih sayang antara pengeluar zakat dengan orang lain. Apabila kesedaran tentang rukun Islam ini tersebar dalam masyarakat dan setiap orang Islam yang mampu menunaikan kewajipannya memberikan zakat kepada orang yang berhak menerimanya. Justeru amat jelas dapat dilihat betapa kuatnya jalinan kasih sayang sesama individu Muslim, kumpulan mereka dan antara masyarakat

keseluruhannya. Tanpa kasih sayang tidak akan sempurna hubungan anggota masyarakat yang sepatutnya kuat bagaikan sebuah bangunan.

**Ketiga** : Zakat berperanan memastikan keperluan anggota sesebuah masyarakat menjadi sempurna, meskipun terdapat keadaan dan unsur-unsur yang meluaskan jurang perbezaan taraf sosial atau bertambahnya golongan yang memerlukan bantuan dan golongan fakir. *Muassasah* kewangan boleh memberikan zakat kepada pekerjaannya jika sekiranya mereka fakir dan yang afdal diberi kepada pihak ketiga yang menyampaikan kepada mereka supaya jauh dari *syubhah*. Tegasnya zakat berfungsi untuk memelihara masyarakat daripada jurang perbezaan taraf sosial yang ketara. Zakat juga dapat mengatasi unsur-unsur yang menyebabkan peningkatan golongan yang memerlukan bantuan dan golongan fakir.

**Keempat** : Zakat adalah satu-satunya cara yang dapat membersihkan hati daripada sifat-sifat keji yang berbahaya kepada masyarakat iaitu berdendam, iri hati, dan dengki. Bagaimanapun sifat tersebut akan menular dalam masyarakat jika mereka tidak lagi mempunyai sifat berkasih sayang, tolong-menolong dan saling bersimpati. Fenomena ini bukan sekadar slogan yang dilaung-laungkan sahaja malah ia adalah satu realiti yang mesti dirasakan oleh perasaan dan hasilnya lahir dalam masyarakat. Apabila zakat dilaksanakan seperti yang sepatutnya, hasilnya akan kelihatan jelas dan terang. Kesannya pula menakjubkan iaitu dapat membersihkan jiwa daripada sifat dengki dan iri hati. Malah dapat mengeratkan hubungan persaudaraan orang ramai walaupun mereka berbeza dari segi kemewahan dan kekayaan. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا

Maksudnya : *“Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak Yang buruk)”*.<sup>13</sup>

**Kelima** : Zakat boleh dibelanjakan untuk mencetak buku-buku agama, keset dan CD agama bagi tujuan dakwah dan menyebarkan ilmu Islam. Inilah yang diputuskan dalam Majlis al-Majma' al-Fiqh al-Islami yang bersidang di Mekah pada tahun 1405H di bawah dakwah tajuk *Fisabilillah* mengharuskannya termasuk di bawah dakwah kepada Allah SWT:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ لَا يُتَّبِعُونَ مَا أَنْفَقُوا مَنًّا وَلَا أَذَى

Maksudnya : *“Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan (agama) Allah SWT, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan membangkit-bangkit (pemberiannya), dan tidak pula menyinggung atau menyakiti (pihak yang diberi)”*.<sup>14</sup>

<sup>13</sup> Al-Qur'an. al-Taubah:103.

<sup>14</sup> Al-Qur'an. al-Baqarah: 262

**Keenam :** Di dalam "*al-Wafi Syarh Arba'in Nawawiah*" guru kami menyebut zakat adalah merupakan ibadat merupakan harta yang terlaksana dengannya keadilan di dalam masyarakat dan harta ini dibahagi-bahagikan di kalangan mereka yang fakir dan memerlukan. Justeru itu terwujudlah kasih sayang dan perasaan saling hormat menghormati di kalangan orang-orang Islam.<sup>15</sup>

#### 2.4 Hukum Orang Yang Enggan Mengeluarkan Zakat.

Orang yang enggan mengeluarkan zakat adalah seperti berikut :

**Pertama :** Orang yang enggan mengeluarkan zakat kerana mengingkari wajibnya

Zakat adalah rukun Islam yang ketiga selepas mengucap dua kalimah syahadah dan mendirikan solat. Oleh itu, ulama' telah bersepakat menyatakan bahawa orang yang mengingkari zakat itu wajib kafir dan murtad. Darahnya halal jika tidak bertaubat. Hal ini demikian di sebabkan zakat adalah perkara yang mudah di ketahui fardunya oleh orang awam atau orang tertentu di kalangan Muslimin, dan tidak memerlukan hujah dan dalil.

Kata Imam Nawawi Rahimahullah yang dipetik daripada al-Khatabi, "*Sesiapa yang mengingkari kewajipan zakat pada masa ini adalah kafir berdasarkan ijmak'..*" katanya lagi, "Pengetahuan tentang kewajipan zakat telah tersebar luas di

---

<sup>15</sup> Dr. Mustafa al-Bugha Muhyiddin Misto, *al-Wafi Syarh Hadith 40 Imam Nawawi*, al-Hidayah: Cetakan Pertama 2007 M. Hlm. 20.

kalangan umat Islam sehingga telah diketahui oleh rakyat dan penguasa, termasuk orang alim dan orang jahil. Oleh itu tiada alasan bagi sesiapa pun membuat tafsiran (تأويل) sendiri untuk mengingkarinya. Begitu jugalah hukumnya dengan orang yang mengingkari wajib sesuatu perkara agama yang telah disepakati oleh ulama' yang pemaklum wajibnya telah tersebar luas seperti solat lima waktu, puasa bulan Ramadhan, mandi junub, pengharaman riba, berkahwin dengan mahram dan hukum-hukum yang lain. al-San'ani Rahimahullah berkata : *"Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima dengan ijma' ummah dan diketahui secara maklum min ad din bidharurah. "*<sup>16</sup>

**Kedua :** Orang yang enggan mengeluarkan zakat kerana bakhil dan kedekut.

Orang yang enggan mengeluarkan zakat sedangkan dia mengiktikadkannya wajib dan mengakui kefardhuannya, maka dia jadi fasiq, berdosa dan akan dikenakan azab seksa di akhirat.

Hal ini Allah SWT berfirman:

وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٦١﴾  
يَوْمَ تُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ .

<sup>16</sup> Al -San'ani. 1995 Subul al Salam, : Beirut: Dar al Makrifah 2/191

Maksudnya : *“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah SWT, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): “Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.”<sup>17</sup>*

Begitu juga hadis daripada Ibn Umar RA, Rasulullah SAW bersabda :

كل ما أدیت زكاته فليس بكثر... و كل ما لا تؤدی زكاته فهو كثر

Maksudnya : *“Setiap harta yang di keluarkan zakatnya ia bukanlah simpanan dan setiap harta yang tidak engkau keluarkan zakatnya, ia adalah simpanan.”<sup>18</sup>*

Seterusnya hadis daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda :<sup>19</sup>

من أتاه الله مالا فلم يؤد زكاته مثل له يوم القيامة شجاعا أقرع له زبيتان , يطوقه يوم القيامة ثم يأخذ بلهز متيه - يعني بشدقيه - ثم يقول : أنا مالك, أنا كترك.

Maksudnya : *“Sesiapa yang di kurniakan oleh Allah SWT harta dan tidak mengeluarkan zakatnya, maka hartanya pada hari kiamat dijadikan seekor ular yang mempunyai dua taring, dan kepala yang tidak berbulu kerana terlalu*

<sup>17</sup> Al-Qur'an. al-Taubah: 34-35 :

<sup>18</sup> Abu Daud dan Darulqutni : lihat San'ani jld 2/214

<sup>19</sup> Sahih Al Bukhari bab Zakat 1338 1/461 :Darul Ulum Insaniah Damsyik : Cetakan 2 1993

banyak bisanya. Ia akan membelit dan menggigitnya dengan kedua-dua rahangnya sambil berkata "Akulah hartamu! Akulah simpananmu!"

Berikutan itu Rasulullah SAW telah membaca firman Allah SWT:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ  
سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخَلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ  
خَبِيرٌ.

Maksudnya : "Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah SWT kepada mereka dari kemurahan-Nya - menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah SWT jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah SWT Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan. (mukjizat) Yang nyata dan dengan (korban) yang katakan, maka membunuh mereka, jika kamu orang-orang yang benar (dalam apa yang kamu dakwakan itu)?"<sup>20</sup>

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah SWT sahaja yang memiliki apa-apa yang diwarisi oleh makhluk di langit dan di bumi. Oleh itu, kenapakah pula mereka pula yang bakhil apabila memilikinya dan tidak mahu membelanjakannya pada jalan Allah SWT?

<sup>20</sup> Al-Qur'an. al-Imran: 180 .

Di dunia ini zakat boleh diambil secara paksa daripada mereka yang enggan mengeluarkan tanpa naif kewajipannya. Jika mereka enggan memberi zakat dan menghalang amil daripada mengambilnya, maka perintah Islam yang diamanahkan melaksanakan syariat Allah SWT hendaklah menentang mereka.

## 2.5 URUF

### 2.5.1 Konsep *Uruf*

*Uruf* daripada segi bahasa asalnya ialah yang diketahui. Dari segi istilah *uruf* dikira sebagai apa yang dilakukan oleh manusia dalam kehidupan mereka dan berkekalan ia dalam urusan mereka. Al Qurtubi berkata *uruf, makruf* dan *arifah* ialah setiap cabang kebaikan yang diredhai oleh akal dan jiwa tenang kepadanya.<sup>21</sup> Al-Quran menggunakan *al-uruf* dengan pengertian sesuatu yang makruf seperti firman Allah SWT:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ

Maksudnya : *“Terimalah apa yang mudah dilakukan dan suruhlah dengan perkara yang baik.”*<sup>22</sup>

<sup>21</sup> Abu Zuhrah Usul Fiqh Darl Fikr Arabi Kaherah, tafsir al Qurtubi 7/346

<sup>22</sup> Al-Quran. al-A'raf, ayat 199 :

Al-Maghari berkata : *Al-Amru bil makruf* bererti menyuruh kepada kebaikan. *Al-Makruf* itu sendiri bererti sesuatu yang diakui baik oleh hati. Hati berasa tenang dan tenteram kepadanya.

Tidak perlu di ragukan, suruhan itu berdasarkan kepada pertimbangan adap kebiasaan baik kepada umat. Bahkan ia merupakan sesuatu yang menurut kesepakatan mereka, untuk kepentingan mereka. Pendek kata *al-makruf* ialah kata umum yang merangkumi setiap perkara yang diakui, termasuk taat dan mendekati diri kepada Allah SWT serta berbuat baik kepada sesama manusia.

Perkataan *al-makruf* sering disebut dalam surah *madaniah*, kerana ia bersangkutan dengan soal hukum syariat amaliah, seperti ciri-ciri umat Islam dan pemerintahan mereka.

Al-Jurjani dalam kitabnya *al-Takrifat* berkata: *Uruf* ialah apa yang menjadi tenang pada jiwa dengan penyaksian akal dan diterima oleh tabiat ia menjadi hujah dan amat pantas difahami.<sup>23</sup>

*Uruf* pada istilah feqah seperti yang ditakrifkan oleh Mustafa Ahmad al-Zarqa' dengan katanya, "*Uruf* itu ialah adat orang ramai atau majoriti sesuatu kaum pada perkataan ataupun amalan." Imam al-Ghazali menjadikan adat sama dengan *uruf* demikian juga dengan Mustafa Ahmad al-Zarqa. Kadangkala cara dan kebiasaan yang dilakukan oleh seseorang itu dilihat oleh kawan atau jirannya lalu diikuti dan ditirunya cara itu seterusnya menjalani kehidupan atas

---

<sup>23</sup> Ali bin Muhammad bin Ali al-Jurjani, *al-Ta'rifat*, Darul kitab al-Arabi : Cetakan kedua.1996. Hlm 193.

adat itu. Beginilah adat itu berulang-ulang daripada seorang kepada seorang yang lain, kemudian kepada sekumpulan masyarakat akhirnya menjadi sebagai adat orang ramai dalam satu-satu tajuk, perkataan ataupun perbuatan.

### 2.5.2 Kedudukan Adat (*Uruf*) dalam Syariat Islam.

*Uruf* yang juga dikenali dengan adat ditakrifkan dengan sesuatu yang menjadi kebiasaan oleh manusia dan mematuhi dalam urusan kehidupan harian sehingga sehati dengan mereka serta menjadi suatu perkara yang lumrah sama ada *uruf* itu *qauli* ataupun *amali*, am ataupun khas, sahih ataupun fasid ' *uruf qauli* ialah seperti kebiasaan orang ramai, ikan itu tidak dikatakan daging. *Al-walad* dimaksudkan anak lelaki sahaja, kebiasaan ini menyalahi penggunaannya daripada segi bahasa. *Uruf amali* pula seperti berjual beli tanpa akad oleh pembeli dan penjual ataupun seorang sahaja yang berakad sementara seorang lagi tidak. Membahagikan isi kahwin kepada tunai dan tangguh pada kebanyakan negara Arab. Menghidangkan makanan kepada tetamu dianggap sebagai keizinan kepada tetamu untuk mengambilnya.

#### 2.5.2.1 *Uruf 'Am*

Ialah suatu adat resam yang dihayati oleh semua orang daripada berbagai peringkat dan lapisan masyarakat di seluruh negeri atau *Uruf* itu menjadi am apabila pemakaiannya tersebar dengan meluas di seluruh negara Islam. Contohnya, lafaz talak digunakan bagi merungkaikan ikatan perkahwinan. *Uruf* khas ialah sesuatu yang menjadi adat kebiasaan kepada sebahagian masyarakat

ataupun negeri, atau di kalangan ahli profesional ataupun di kalangan golongan khusus seperti *uruf* ahli perniagaan, pertanian, ahli bahasa dan sebagainya. Termasuk juga lafaz-lafaz yang menjadi istilah di kalangan para ulama' dan profesional.

#### 2.5.2.2 *Uruf Sahih*

Pula ialah *uruf* yang tidak bercanggah dengan nas syarak, tidak menghalalkan yang haram dan tidak membatalkan yang wajib. Contohnya seperti kebiasaan melakukan akad tempahan, adat menganggap pemberian pihak pengantin lelaki kepada pengantin perempuan seperti pakaian dan lain-lain hadiah tidak termasuk dalam mas kahwin. Sudah menjadi adat di sesetengah negara Arab mas kahwin yang tertanggung tidak berhak dituntut melainkan setelah berlaku perceraian dengan talak ataupun mati. *Uruf fasid* pula ialah adat yang berlawanan dengan nas syarak seperti menghalalkan yang haram, membatalkan yang wajib, mendatangkan kemudaratan ataupun menolak kemaslahatan seperti adat berhutang dengan riba daripada individu atau institusi kewangan, adat berjudi dan sebagainya.

## BAB 3

# KONSEP ZAKAT EMAS PERHIASAN HUKUMNYA

### 3.1 KONSEP ZAKAT EMAS PERHIASAN

Kewajiban mengeluarkan zakat wang tunai telah ditetapkan di dalam al-Quran, hadis dan ijmak ulama'. Adapun ayat yang menyebut tentang perkara tersebut ialah firman Allah SWT :<sup>24</sup>

وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ  
يَوْمَ نُحْمِي عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا  
مَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ .

Maksudnya : "Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah SWT, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam Neraka Jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu."

Pendapat Hanafi zakat diwajibkan pada perhiasan lelaki dan wanita sama ada yang telah dicanai ataupun belum dan sama ada ianya bejana ataupun bukan. Sebab emas dan perak merupakan harta yang boleh berkembang.

<sup>24</sup> Al-Qur'an. al-Taubah: 34-35 .

Al-Maghari berkata: Setiap orang yang menyimpan emas dan perak tetapi tidak mengeluarkan hak-hak yang wajib daripada kedua-duanya, sama ada dia dari kalangan para pendeta atau orang alim atau kaum Muslimin hendaklah di beritahu kepada mereka iaitu mereka akan menerima azab yang sangat pedih. Perkara ini diperkuatkan oleh sebuah riwayat, iaitu Yazid Ibn Wahb, aku menemui Abu Zar di Rabzah, sebuah tempat di antara Mekah dan Madinah : "Lalu bertanya hai Abu Zar apakah yang mendorong kamu untuk singgah di negeri ini, beliau menjawab aku pernah berada di Syam dan membaca ayat

وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ

Maksudnya : "(ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak.

Mu'awiyah berpendapat bahawa ayat ini diturunkan hanya kepada ahli kitab. Pada pendapat aku, ayat itu berkaitan antara kita dan mereka iaitu perkara ini menjadikan aku dan Mu'awiyah saling benci-membenci. Kemudian Uthman RA mengirim surat supaya aku datang menghadapnya. Ketika tiba di Madinah, orang berpaling daripada aku, seolah-olah mereka belum pernah melihat aku. Perkara itu terus aku adukan kepada Uthman RA dan beliau menyuruh aku supaya berada dekat dengannya, lalu aku berkata : Demi Allah SWT sesungguhnya aku tidak pernah meninggalkan apa yang pernah aku perkatakan"<sup>25</sup>.

---

<sup>25</sup> Ahmad Mustafa al-Maqhari 2001, Tafsir al Maqhari (terjemahan) dbp 5/2761

Manakala ketetapan yang disebut di dalam hadis pula ialah sebagaimana sabda Rasulullah SAW di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

ما من صاحب ذهب ولافضة لا يؤدي منها حقها الا اذا كانت يوم القيامة صفحت له صفائح من نار فأحى عليها في نار جهنم فيكون بما جبينه وظهره

Maksudnya : *"Sesiapa sahaja yang memiliki emas dan perak dan tidak menunaikan zakatnya pada hari kiamat kelak akan disediakan kepadanya hamparan api yang dipanaskan oleh neraka. Dengan api itulah akan diselarkan muka dan belakangnya"*<sup>26</sup>

Dan telah diriwayatkan dari Rasulullah SAW, bahawa seorang wanita datang menemui beliau dan di tangan puterinya melingkar dua gelang emas, maka beliau bersabda di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Nasa'i dengan sanad yang sahih :<sup>27</sup>

إن امرأة أتت رسول الله صلى الله عليه وسلم ومعها ابنة لها وفي يد ابنتها مسكتان (اسورتان) غليظتان من ذهب- فقال لها : أتعطين زكاة هذا؟ قالت : لا، قال : ايسرك أن يسورك الله بما يوم القيامة سوارين من نار؟ قال : فخلعتهما فالتقتهما الي النبي صلى الله عليه وسلم وقالت : هما لله ورسوله

Maksudnya : *"Apakah engkau mengeluarkan zakat ini (gelang emas)?"*. Wanita itu menjawab : *"Tidak"*, maka beliau bersabda. : *"Apakah engkau senang jika Allah SWT melingkarkan gelang padamu di hari Kiamat dengan dua gelang yang terbuat dari api?"*

<sup>26</sup>Sahih Muslim cetakan 1 2006 5/32 (2265)

<sup>27</sup> Abu Daud 1563, al Tirmizi 637, al Nasai 2479 dan al Hakim 1/547. lihat bulugh al Maram hadis 600.

Perawi hadis ini, iaitu Abdullah bin Amr bin Al-Ash RA berkata : Lalu wanita tersebut melepaskan kedua gelang itu dan memberikan kepada Rasulullah SAW sambil berkata : "Kedua gelang ini untuk Allah SWT dan Rasul-Nya".

Dr. Muhammad Lukman al-Salafi di dalam Tuhfah al-Kiram berkata : Di ambil faedah dari hadis ini bahawa wajib mengeluarkan zakat perhiasan sekalipun digunakan untuk dipakai dan nisab zakat perhiasan bagi mereka yang berpendapat wajib iaitu dengan mengikut nisab emas.<sup>28</sup>

Dalam hadis yang lain telah dikeluarkan oleh Abu Daud dari hadis Aisyah RA dengan sanad yang sahih, ia berkata :

دخل علي رسول الله صلى الله عليه وسلم فرأى في يدي فتحات من ورق، فقال : ما هذا يا عائشة؟ فقالت : صنعتهن أتزين لك — يا رسول الله — قال : أتؤدين زكاتهن؟ قالت : لا أو ما شاء الله- قال حسبك من النار

Maksudnya : "Rasulullah SAW datang menemuiku dan ditanganku terdapat perhiasan yang terbuat dari perak, maka beliau bersabda."Ertinya : Apa ini wahai Aisyah?" Aku menjawab : "Aku membuatnya sendiri agar aku berhias untukmu wahai Rasulullah", beliau bersabda. : 'Apakah engkau mengeluarkan zakat untuk hartamu itu ?" Aku menjawab : "Tidak atau apa yang Allah SWT kehendaki", beliau bersabda : "Zakat yang engkau keluarkan itu dapat menyelamatkan engkau dari Neraka".

<sup>28</sup> Dr. Muhammad Lukman al-Salafi, 1423 H Tuhfah al-Kiram hlmn 239-240 : Dar Al Dae' Riyadh : Cetakan Kedua

Hadis ini disahihkan oleh al-Hakim sebagaimana disebutkan oleh al-Hafizh Ibn Hajar dalam Bulugh al-Maram.<sup>29</sup>

Dalil-dalil ini menunjukkan bahawa terdapat kewajipan menunaikan zakat barang perhiasan daripada emas dan perak.

### 3.2 HUKUM ZAKAT PERHIASAN

Ada dua pendapat :

#### 3.2.1 PERTAMA : Tidak wajib :

Pertama : Di dalam kitab mugni al-Muhtaj imam Syafie menyatakan hukum zakat adalah tidak wajib.

Kedua : Dalam Syarh al-Kabir Mazhab Maliki juga menyatakan zakat perhiasan tidak wajib kecuali kerana perniagaan .

Ketiga : Mazhab Hanbali dalam al-Mughni sependapat dengan Syafie dan Maliki.

---

<sup>29</sup> Dr. Muhammad Lukman al-Salafi, 1423 H Tuhfah al-Kiram hlmn 239-240 : Dar Al Dae' Riyadh : Cetakan Kedua

## BIBLIOGRAFI

1. Abd al-Rahman al-Jaziri 1413H / 1993M, *al-Fiqh Ala Mazahib al-Arbaah* : Dar al Qalam. Beirut Lubnan
2. Abu Ishaq al-Syiraji *al-Muhazzab* 2001M Dr Muhammad al-Zuhayli Dar al Qalam dan Dar Shamiah Beirut : Cetakan Kedua
3. Ahmad Mustafa al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy* ( Terjemahan ), Dewan Bahasa Dan Pustaka, Cetakan Pertama 2001.
4. Al - Qardāwi, Yūsuf, Dr, *Hukum Zakah* (ter) Drs. Salman Harun (etl.). Singapura: Pustaka Nasional, 1987.
5. al Qadi Abi al-walid Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Ahmad ibn Rusyd al-Qurtubi al-Andalusi. 1416H/1996M *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid* 1/242: Cetakan Pertama. Beirut : Darul al-Kutub al-Ilmiah
6. Ali bin Muhammad bin Ali al-Jurjani, *al-Ta'rifat*, Darul kitab al-Arabi : Cetakan kedua,1996.
7. Al-Imam al-Allamah Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, *Dar al-Hadith* : Cetakan Pertama. 1423 H / 2003 M.
8. al-Majmu' 6 / 29,
9. Dr. Muhammad Lukman al-Salafi, *Tuhfah al-Kiram Syarh Bulugh al-Maram*, Dar al-Da'ie :Cetakan Kedua, 1423 H.
10. Dr. Mustafa al-Bugha Muhyiddin Misto, *al-Wafi Syarah Hadith 40 Imam Nawawi*, al-Hidayah: Cetakan Pertama 2007 M.
11. Dr. Umar Sulaiman al-Asyqar, *Masail fi Fiqh Muqarin*. Darul Nafais : Cetakan Pertama, 1999.

12. Dr. Mustafa al-Khin, Dr. Mustafa al-Bugha, Ali al-Sharbaji, *Al-Fiqh al-Manhaj*, Jabatan Mufti kerajaan Negeri Sembilan, Cetakan Pertama Mei 2005.
13. Ibn Arabi, Abu Bakar Muhammad bin Abdullah, *Ahkam al-Quran*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia : Cetakan Pertama 2006.
14. Ibn Qudamah al-Maqdisi, *al-Mughni* : Dar al Kutub al-Ilmiah, Beirut Lubnan
15. Imam al-Nawawi, *Raudah al-Talibin*, Dar al-Kitab al-Ilmiah, Cetakan Pertama 1412 H- 1992 M.
16. Imam Malik, *al-Muwatta'* : Dar al-Hadis Kaherah : Muhamad Fuad Abdul Baqi
17. Jabatan Perangkaan Malaysia, *Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Dan Mukim*, Disember 2001.
18. Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuh*, Dar al-Fikr Damascus, Syria, Cetakan Pertama 1418 H-1997 M.
19. R.Umasekaran, *Research Method For Business*.
20. Sa'di Abu Jaib, *Al-Qamus al-Fiqhi*, Dar Fikr : Cetakan Kedua 1408 H / 1988M.
21. Sayyid Bakri, *Ie'anatul Talibin*, hlmn 158m, Dar Ehya Turath al Araby, Beirut.
22. Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Dar al-Fikr : Cetakan Pertama 1996 M.
23. Syaikh Ibn Baaz, *Majmu' Fatawa wa Maqalat Mutanawwi'ah*, , 4/124, Disalin dari buku *Al-Fatawa Al-Jami'ah Lil Mar'atil Muslimah*, edisi Indonesia *Fatwa-Fatwa Tentang Wanita 1*, penyusun Amin bin Yahya Al-Wazan, terbitan Darul Haq hal. 205- 207, penterjemah Amir Hamzah Fakhruddin.
24. Syeikh Muhamad al-Khatib al-Sarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al Fikr

25. Uma Sekaran, *Research methods for business: A skill building approach / 4th ed.*. New York: John Wiley & Sons, 2003.
26. Ustaz Ahmad Sonhaji Mohamad, *Abr al-Athir*. Pustaka Salam : Cetakan Pertama 1997.

## LAMPIRAN

- 1) Borang Soal Selidik (kosong & diisi)
- 2) Rumus Analisa
- 3) Gambar - Gambar Berkaitan :
  - a. Pusat Zakat Negeri Sembilan
  - b. Baitul Mal, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
  - c. Pengedaran Borang Soal Selidik
  - d. Perhiasan Emas
  - e. Rumah Adat Negeri Sembilan (Minangkabau)
  - f. Moto & slogan Pusat Zakat Negeri Sembilan



# قوسة زكاة نكري سمبلان

## Pusat Zakat Negeri Sembilan

### MAINS

No. 25, Jalan Business Centre,  
Jalan Duta Emas 4,  
Off Jalan Duta Siroming Gagap,  
70100 Seremban, Negeri Sembilan  
Tel: 06-7651402  
Faks: 06-7651407  
Laman Web: www.zakatns.com.my  
Email: info@zakatns.com.my

### KAJI SELIDIK URUF PEMAKAIAN EMAS DI NEGERI SEMBILAN

Kaji selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai uruf pemakaian emas di kalangan wanita Islam di Negeri Sembilan Darul Khusus. Uruf yang bakal di tetapkan bergantung kepada maklumat yang diterima hasil dari kajian yang akan dijalankan. Sila tandakan ( / ) pada jawapan yang sesuai

1) Umur

- |                                      |                                  |   |
|--------------------------------------|----------------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> 19 ke bawah | <input type="checkbox"/> 30 - 39 | <input type="checkbox"/> 50 - 59        |
| <input type="checkbox"/> 20 - 29     | <input type="checkbox"/> 40 - 49 | <input type="checkbox"/> 60 dan ke atas |

2) Pekerjaan

- |                                  |  |
|----------------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> Bekerja | <input type="checkbox"/> Tidak Bekerja |
|----------------------------------|--|

3) Tempat Tinggal

- |                                       |                                   |                                 |
|---------------------------------------|-----------------------------------|---------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Seremban     | <input type="checkbox"/> Jempol   | <input type="checkbox"/> Tampin |
| <input type="checkbox"/> Nilai        | <input type="checkbox"/> Jelebu   | <input type="checkbox"/> Rembau |
| <input type="checkbox"/> Port Dickson | <input type="checkbox"/> K. Pilah | <input type="checkbox"/> Gemas  |

4) Status

- |                                    |                                 |                                |
|------------------------------------|---------------------------------|--------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Berkahwin | <input type="checkbox"/> Bujang | <input type="checkbox"/> Janda |
|------------------------------------|---------------------------------|--------------------------------|

5) Adakah anda tahu emas yang anda pakai atau yang disimpan perlu dikenakan zakat ?

- |                             |                                |
|-----------------------------|--------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Ya | <input type="checkbox"/> Tidak |
|-----------------------------|--------------------------------|

6) Jika YA, apakah sumber anda memperolehi maklumat tersebut ?

- |                                       |                                       |   |
|---------------------------------------|---------------------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> Televisyen   | <input type="checkbox"/> Laman Web    | <input type="checkbox"/> Poster, Papan Tanda            |
| <input type="checkbox"/> Radio        | <input type="checkbox"/> Kuliah Agama | <input type="checkbox"/> Risalah/ Pamphlet Zakat        |
| <input type="checkbox"/> Surat Khobar | <input type="checkbox"/> Rakan-Rakan  | <input type="checkbox"/> Lain-Lain, Sila Nyatakan ..... |

7) Pernahkah anda membayar Zakat Emas ?

- |                             |                                |
|-----------------------------|--------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Ya | <input type="checkbox"/> Tidak |
|-----------------------------|--------------------------------|

8) Jika YA, apakah kaedah yang digunakan untuk mengira Zakat Emas

- |                                      |   |
|--------------------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> Uruf        | <input type="checkbox"/> 85 gram Emas                   |
| <input type="checkbox"/> Kadar Nisab | <input type="checkbox"/> Lain-Lain, Sila Nyatakan ..... |

9) Dimanakah anda membayar Zakat Emas tersebut ?

- |   |  |  |
|---|--|--|
| <input type="checkbox"/> Pusat Zakat<br>Negeri Sembilan | <input type="checkbox"/> Amil Yang di Lantik | <input type="checkbox"/> Agihkan Sendiri |
|---|--|--|

10) Apakah status (kegunaan) emas yang dimiliki ?

- |                                   |                                    |
|-----------------------------------|------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Di Pakai | <input type="checkbox"/> Di Simpan |
|-----------------------------------|------------------------------------|

11) Adakah emas yang anda pakai adalah hak milik sempurna anda ?

Ya

Tidak

12) Situasi pemakaian emas

Majlis Rasmi

Bekerja

Bersiar-Siar

Harian

13) Peruntukkan untuk pembelian emas setahun ( RM )

Tiada

1001 - 1500

2001 - 2500

501 - 1000

1501 - 2000

2501 - 3000

14) Sila isikan maklumat emas milik anda.

#### A) DI PAKAI (PERHIASAN)

i) Jenis Emas

999

916

835

585

950

875

750

375

ii) Anggaran Nilai Emas (RM)

1 - 600

1801 - 2400

3601 - 4200

5401 - 6000

601 - 1200

2401 - 3000

4201 - 4800

1201 - 1800

3001 - 3600

4801 - 5400

iii) Anggaran Berat (gram)

1 - 15

46 - 60

91 - 105

121 - 135

16 - 30

61 - 75

106 - 120

136 - 150

31 - 45

76 - 90

#### B) DI SIMPAN

i) Jenis Emas

999

916

835

585

950

875

750

375

ii) Anggaran Nilai Emas (RM)

1 - 1000

2001 - 3000

4001 - 5000

1001 - 2000

3001 - 4000

5001 - 6000

iii) Anggaran Berat (gram)

1 - 30

61 - 90

121 - 150

31 - 60

91 - 120

151 - 180

**TERIMA KASIH KERANA SUDI MELENGKAPKAN BORANG KAJI SELIDIK INI.**

## FORMULA

1. Formula mendapatkan Min iaitu kadar purata.

$$\text{Min, } \bar{x} = \frac{\sum f \cdot x}{\sum f}$$

2. Formula mendapatkan *standard deviation* (sisihan piawai)

$$\sigma = \sqrt{\frac{\sum (x - \bar{x})^2}{N}}$$

*dimana N adalah jumlah responden yang terlibat*

3. Formula untuk mendapatkan kesilapan piawai sampel:

$$\text{Varians sampel} = \frac{\text{variens ciri dalam populasi}}{\text{Saiz sampel}}$$

*Manakala 95% keyakinan bahawa kesilapan piawai tidak melebihi 2 (1.96)*

4. Formula untuk mendapatkan saiz sampel.

$$N = \frac{\text{variens ciri dalam populasi}}{\text{Varians sampel}}$$

Atau;

$$N = \frac{1.96 \times \sigma^2}{B}$$

*Dimana N merupakan bilangan atau saiz sampel yang diperlukan*

| Berat (gram) | Nilai titik tengah (x) | Jumlah responden (f) | f.x              | (x-x)  | (x-x) <sup>2</sup> | f(x-x) <sup>2</sup> |
|--------------|------------------------|----------------------|------------------|--------|--------------------|---------------------|
| 0            | 0                      | 152                  | 0                | 0      | 0                  | 0                   |
| 1 – 15       | 8                      | 1202                 | 9616             | -39.55 | 1564.2             | 1880168.4           |
| 16 – 30      | 23                     | 1287                 | 29601            | -24.55 | 602.7              | 775674.9            |
| 31 – 45      | 38                     | 1070                 | 40660            | -9.55  | 91.2               | 97584               |
| 46 – 60      | 53                     | 778                  | 52904            | 5.45   | 29.7               | 23106.6             |
| 61 – 75      | 68                     | 576                  | 47808            | 20.45  | 418.2              | 240883.2            |
| 76 – 90      | 83                     | 515                  | 42745            | 35.45  | 1256.7             | 647200.5            |
| 91 – 105     | 98                     | 261                  | 25578            | 50.45  | 2545.2             | 664297.2            |
| 106 – 120    | 113                    | 140                  | 15820            | 65.45  | 4283.7             | 599718              |
| 121 – 135    | 128                    | 55                   | 7040             | 80.45  | 6472.2             | 355971              |
| 136 - 150    | 143                    | 160                  | 22880            | 95.45  | 9110.7             | 1457712             |
|              |                        | <b>Σ=6196</b>        | <b>Σ=294 652</b> |        |                    | <b>Σ=6742315.8</b>  |

$$\text{Min , } x = \frac{\sum f.x}{\sum f} = \frac{294\ 652}{6196} = 47.55$$

Standard deviation,  $\sigma$

$$\sigma = \sqrt{\frac{\sum (x - x)^2}{N}}$$

$$= \frac{6742315.8}{6196} = 32.99$$

Anggaran Selang Keyakinan

$$B = \frac{1.96 \times \sigma}{\sqrt{n}}$$

$$= \frac{1.96 \times 32.99}{\sqrt{6196}} = 0.82$$

Sesuatu nilai yang diperolehi itu perlu dipastikan dahulu kejituan data yang diperolehi. Untuk itu ia memerlukan satu analisa kejituan data dengan menggunakan kaedah anggaran selang keyakinan yang disimbolkan dengan **B**. Anggaran selang keyakinan (**B**) 95% bagi min timbangan emas menggunakan formula:

$$B = \frac{1.96 \times \sigma}{\sqrt{n}}$$

dimana n mewakili jumlah keseluruhan sampel yang ada iaitu 6196, manakala  $\sigma$  ialah angka *standard deviation* iaitu 32.99. Oleh itu formulanya ialah;

$$B = \frac{1.96 \times 32.99}{\sqrt{6196}} = 0.82$$

Maka, anggaran selang keyakinan min timbangan emas ialah sebanyak: 0.82 gram dari titik min 47.55.


Dengan menggunakan nilai min ialah 47.55, maka adalah dianggarkan secara yakin (95%) bahawa min timbangan emas antara(47.55-0.82 hingga 47.55+0.82).

Secara gambarajahnya ia adalah sebegini;

$$46.73\text{gram} < 47.55\text{gram} < 48.37\text{gram}$$

Angka ini diambil dengan mengambil kira selang keyakinannya adalah tidak banyak iaitu sekadar 0.82 daripada satu variasi kepada variasi lain. Ditambah pula dengan kos yang terlalu besar yang diperlukan untuk mendapatkan selang nilai yang amat sedikit sahaja.

Oleh itu, min timbangan emas yang boleh dijadikan kadar pemakai secara adat di Negeri Sembilan adalah antara 46.73 gram hingga 48.37 gram. Namun begitu, untuk mengenakan sesuatu had di dalam syarak, perlulah di ambil yang paling maksima daripada jumlah adat pemakaian yang ada iaitu  $\approx 48$  gram



Pusat Zakat Negeri Sembilan




Baitulmal (MAINS)



Perhiasan Emas




Pengedaran Borang Soal Selidik



Rumah adat Negeri Sembilan (Minangkabau)

# Negeri Sembilan Negeri Beradat

## NEGERI SEMBILAN NEGERI BERZAKAT



[www.zakatns.com.my](http://www.zakatns.com.my)  
06-765 1402

Certified to ISO 9001:2000  
Cert. No.: ART3645

Motto PZNS

Negeri Sembilan

*Negeri Beradab,*

Negeri Sembilan

*Negeri Berzakat...*

**ZAKAT = REZEKI BERKAT, NEGERI SELAMAT.**



[www.zakatns.com.my](http://www.zakatns.com.my)

Tel: 06-765 1402

Selamat Datang Ke Kuala Pilah

**MAJLIS DAERAH KUALA PILAH**

Keceriaan Membawa Ketenangan - Jagalah Kebersihan Persekitaran Anda



Motto PZNS